

31/12/2001

Polis belum putuskan ambil keterangan Raja Kamaruddin

KUALA LUMPUR, Ahad - Polis belum memutuskan untuk mengambil keterangan daripada Timbalan Ketua Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Bahagian Shah Alam, Raja Kamaruddin Raja Abdul Abdul Wahid bagi membantu siasatan laporan akhbar The Sun, Selasa lalu.

Timbalan Pengarah 1 Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Musa Hassan ketika dihubungi berkata, polis setakat ini sudah mengambil keterangan daripada wartawan dan editor akhbar itu tetapi belum memutuskan untuk mengambil keterangan Raja Kamaruddin.

"Setakat ini saya belum dimaklumkan oleh pegawai penyiasat kes itu sama ada keterangan Raja Kamaruddin perlu diambil atau tidak," katanya di sini, hari ini.

Akbar The Sun, Selasa lalu, menyiarkan berita muka depan mengenai plot untuk membunuh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Plot itu dikatakan dirancang beberapa pemimpin politik tempatan dengan mengupah seorang pembunuh upahan dikenali dengan nama Raja Komando bagi menjalankan kegiatan itu.

(END)